



Ruj. Kami : KKM.600-27/4/2 (10)

Tarikh : 5 April 2016


SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERKHIDMATAN PATOLOGI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga turut terkesan akibat keadaan ekonomi semasa. Walau bagaimanapun, cabaran ini tetap perlu dihadapi dan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada pesakit tetap diutamakan serta dipertingkatkan.
3. Seajar dengan saranan mengoptimumkan perbelanjaan seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 1 Tahun 2016, Bahagian Perkembangan Perubatan dan Perkhidmatan Patologi KKM telah mewujudkan garis panduan yang menjelaskan dengan lebih lanjut bagi menjalankan ujian makmal secara berhemah tanpa menjejaskan perkhidmatan di hospital KKM. Garis panduan ini juga telah dibincang bersama dengan beberapa Ketua Perkhidmatan Klinikal KKM.
4. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk membentuk satu jawatankuasa di setiap hospital masing-masing bagi memastikan pelaksanaan dan keberkesanan garis panduan penjimatan ini. Diharapkan agar langkah-langkah ini dapat dilaksanakan dan penjimatan dapat dicapai.
5. Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada Dr. Mawaddah Ghazali di talian 03-8883 1142 atau e-mail mawaddah.ghazali@moh.gov.my.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702

6. Segala kerjasama Y.Bhg Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan di dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian, untuk tindakan Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR JEYANDRAN TAN SRI SINNADURAI)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Arni binti Talib
Ketua Perkhidmatan Patologi Kebangsaan

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN PERKHIDMATAN PATOLOGI

LATAR BELAKANG

Negara kini sedang mengalami kemelesetan ekonomi akibat kesan daripada kelembapan ekonomi global, kejatuhan harga minyak dan kemerosotan nilai ringgit. Bagi menyokong dan memastikan ekonomi dan kewangan negara kekal berada pada jajaran yang betul, perbelanjaan berhemat terutamanya dalam perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan haruslah dilaksanakan. Peranan pegawai awam dalam hal ini amat penting bagi memastikan peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan tanpa ada pembaziran, ketirisan dan pada masa yang sama mampu memberikan impak yang maksimum.

Untuk tujuan tersebut, sejajar dengan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil.1 Tahun 2016, garis panduan mengenai "Penjimatan Perbelanjaan Perkhidmatan Patologi" ini diwujudkan bagi menjelaskan dengan lebih lanjut kaedah penjimatan bagi menjalankan ujian makmal secara berhemah bagi hospital –hospital KKM tanpa menjejaskan perkhidmatan. Garis panduan ini juga mengambil kira cabaran beban kerja yang meningkat dengan peruntukan yang terhad dalam memberikan perkhidmatan patologi yang efisien.

TATACARA PELAKSANAAN PENJIMATAN

1. Pengukuhan dari aspek pelanggan

1.1 Ujian Ulangan

- 1.1.1 Elakkan ujian berulang dan *inappropriate request*. Sekiranya ujian harus diulangi dalam masa kurang dari tujuh puluh dua (72) jam, indikasi harus jelas dinyatakan dan permohonan perlu dipantau oleh Pakar atau Pegawai Perubatan (PP).
- 1.1.2 Bagi kes-kes kecemasan dan kritikal, permohonan ujian yang berulang adalah tertakluk kepada keperluan klinikal.
- 1.1.3 Indikasi klinikal atau diagnosis penyakit perlu dinyatakan dengan jelas didalam borang permohonan ujian terutamanya bagi ujian yang dipohon bertujuan untuk memantau respon klinikal pesakit. Maklumat ini dapat membantu Pakar Patologi sewaktu melakukan saringan permohonan ujian.

1.2 Ujian saringan

1.2.1 Ujian saringan penyakit berjangkit di hospital perlu dihadkan kepada pesakit yang mempunyai risiko jangkitan dan tidak secara rutin. Jika ujian tersebut masih perlu dipohon, indikasi klinikal perlu dinyatakan dengan jelas dan hanya Pakar atau PP sahaja yang boleh memohon ujian tersebut.

1.2.2 Ujian saringan bagi penyakit-penyakit tertentu perlu spesifik.

Contohnya:

- i. TSH untuk Thyroid Function Test.
- ii. ANF untuk Connective Tissue Disorder.
- iii. Permohonan tumour markers hendaklah ada kaitan klinikal dan organ spesifik.
- iv. Ujian-ujian bagi *Pyrexia of Unknown Origin (PUO)* hendaklah mempunyai kaitan klinikal sahaja.

1.2.3 Kumpulan sasaran secara strategic (*targeted population*) dan peruntukan yang terlibat haruslah dikenalpasti terlebih dahulu sebelum sesuatu program saringan dimulakan.

1.3 “Ujian khas”

1.3.1 “Ujian Khas” perlu dipohon oleh pakar perubatan atau PP. Pegawai perubatan siswazah tidak dibenarkan memohon ujian tersebut. Langkah ini akan mengurangkan *inappropriate* dan *redundant request* (Rujuk Lampiran 1: Contoh senarai ujian khas yang perlu dipohon oleh pakar)

1.4 Ujian panel

1.4.1 Ujian panel perlu digantikan dengan ujian spesifik.

Contoh :

- i. Untuk kes *Electrolytes imbalance (Hypokalemia, Hyperkalemia, Hyponatremia dsb)* yang memerlukan pemantauan bersiri, ujian *Renal Profile* digantikan dengan ujian *electrolyte* yang berkenaan sahaja.
- ii. Sekiranya hanya analyte ALT diperlukan, pohon ujian ALT sahaja dan bukan LFT.

- iii. Untuk ujian *cardiac biomarkes*, ujian hendaklah dipohon mengikut indikasi. Sekiranya kedua-dua ujian *Troponin-T/I* dan CK-MB ditawarkan di Jabatan Patologi tersebut, ujian hendaklah dipohon mengikut kesesuaian dan indikasi klinikal dan tidak dipohon secara serentak.
- iv. Denggi IgM atau IgG atau NSI bagi menggantikan Dengue Serology.

1.5 Ujian di luar waktu pejabat

- 1.5.1 Hanya ujian yang ditawarkan 24jam sahaja yang boleh dipohon selepas waktu pejabat (5 petang – 8 pagi). Ini dapat mengurangkan jumlah sampel sekaligus mengurangkan jumlah bilangan staf makmal yang bertugas. Sekiranya ujian lain masih diperlukan, Pakar yang bertanggungjawab perlulah dirujuk dahulu sebelum ujian dipohon dan pemohon perlu berhubung dengan Pakar Patologi / pegawai di makmal "on call" dan disertakan dengan justifikasi. (Rujuk lampiran 2: Senarai ujian yang ditawarkan 24 jam)

1.6 Penggunaan *Point Of Care Testing (POCT)* secara berhemah:

- 1.6.1 Sebelum ujian *POCT* baru diwujudkan, justifikasi dan input daripada Jabatan Patologi di hospital masing-masing perlu diperolehi dan peruntukan telah dikenalpasti sebelum dilaksanakan.
- 1.6.2 Penggunaan *POCT* perlu diselia / dipantau oleh Ketua Jabatan yang berkaitan untuk mengelakkan ujian berulang (*duplication*) samaada di lokasi *POCT* itu sendiri atau penghantaran sampel kedua ke makmal patologi.

1.7 Lain-lain

- 1.7.1 Pengukuhan penggunaan *Clinical Practice Guidelines (CPG)* oleh pakar/PP apabila melibatkan permohonan ujian - ujian makmal. Ketua Jabatan perlu melakukan penyeliaan terhadap PP secara berterusan agar permohonan ujian makmal adalah mengikut CPG.
- 1.7.2 Penggunaan jenis *tube* / bekas spesimen / kuantiti spesimen perlulah betul. Pegawai perubatan harus merujuk kepada maklumat berkenaan ujian, jenis sampel atau jenis *tube* di website perkhidmatan patologi atau buku panduan makmal di hospital berkenaan bagi tujuan mengurangkan penolakan sampel (*sample rejection*) dan pembaziran. Sekiranya perlu penjelasan lanjut, sila rujuk makmal patologi masing-masing.

- 1.7.3 Pengukuhan teknik pengambilan darah bagi mencegah darah daripada *lysed* dan menyebabkan penolakan sampel (*sample rejection*).
- 1.7.4 Ujian makmal untuk tujuan penyelidikan perlu dikenalpasti dan menggunakan peruntukan khas. Pihak yang bertanggungjawab / CRC perlu berbincang dengan Jabatan Patologi supaya pengurusan sampel secara optima dapat dirancang.

2. Tindakan setiap Jabatan Patologi di Hospital KKM

2.1 Pengurusan proses kerja.

2.1.1 *Pre-Analytical*

- a) Melakukan saringan permohonan ujian untuk ujian-ujian khas oleh Pakar Patologi seperti yang berikut:
- i. Memastikan ujian yang tersebut dipohon oleh Pakar dan disertakan justifikasi.
 - ii. Memastikan permohonan ujian adalah bertepatan dengan kes yang dirawat.

Contoh ujian-ujian khas:

- a) Permintaan analisa *flowcytometry* bagi kes leukaemia / lymphoma.
- b) Permintaan ujian *tumor marker*
- c) Permintaan ujian molekular
- d) Permintaan ujian genetik

Senarai ujian-ujian khas yang perlu dipohon oleh Pakar boleh dirujuk di Jabatan Patologi masing-masing.

2.1.2 *Analytical*

- a) Mengenalpasti ujian *non-life saving (non-urgent)* yang boleh dijalankan secara pukal (batch). Jenis – jenis ujian yang boleh dijalankan secara pukal adalah seperti HBA1c, *Hb Analysis*, *Thyroid Function Test* dan ujian - ujian endokrin lain.

2.1.3 *Post-Analytical*

- a) Disarankan supaya penghantaran keputusan ujian ke hospital lain dihantar dalam bentuk emel.
- b) Sekiranya keputusan ujian hilang, permintaan untuk salinan kedua hendaklah dipohon secara bertulis.

2.2 Pengurusan sumber manusia

- 2.2.1 Perkhidmatan Patologi perlu memantau keperluan dan Jadual "on call" agar penggunaan sumber manusia adalah optimum.
- 2.2.2 Jabatan Patologi perlu melaksanakan latihan berterusan kepada pelanggannya termasuk semua pegawai perubatan siswazah yang baru yang akan menjalani orientasi di Jabatan Patologi.

2.3 Pengurusan perolehan atau pembelian

2.3.1 Perolehan reagen

Pengurusan perolehan secara berpusat di peringkat Negeri melalui tender/sebut harga sejajar dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014.

2.3.2 Ujian khas dijalankan secara zon

Melakukan ujian-ujian khas melalui zon. Langkah ini dapat mengurangkan pembaziran reagen dan menghadkan pembelian reagen di makmal yang tidak menjalankan ujian tersebut.

CONTOH SENARAI UJIAN KHAS YANG PERLU DIPOHON OLEH PAKAR

1. *Protein electrophoresis*
2. *Free light chain*
3. *Renin*
4. *Aldosterone*
5. *Urinary Catecholamine*
6. *IEM test including molecular testing*
7. *Immunophenotyping for leukaemia/lymphoma*
8. *PNH*
9. *CD4/CD8*
10. *Molecular for Hemato oncology*
11. *Chimerism*
12. *HCV PCR (Quantitative) & HCV GENOTYPING*
13. *HBV PCR (Quantitative)*
14. *HIV PCR (Quantitatif)*
15. *HSV PCR (Qualitatif)*
16. *CMV PCR (Qualitatif)*
17. *MERS CoV PCR*
18. *JcBk Virus PCR*
19. *Thyroid receptor antibody*
20. *Lain-lain**

*senarai **ujian khas** perlu dirujuk di Jabatan Patologi hospital masing-masing

SENARAI UJIAN YANG DITAWARKAN 24 JAM

1. *Full Blood Count (FBC)*
2. *Renal Profile*
3. *Calcium*
4. *Magnesium*
5. *Phosphate*
6. *Coagulation Profile (DVC Screening)*
7. *Blood Gases*
8. *Lactate*
9. *Amylase*
10. *Glucose*
11. *Cardiac Markers*
12. *Serum Bilirubin*
13. *CSF Biochemistry*
14. *CSF Microscopy*
15. *Ammonia*
16. *Urine Pregnancy Test (UPT)*
17. *Blood and Cerebrospinal Fluid cultures*
18. *Aspirated pleural fluid cultures*
19. *Aspirated peritoneal fluid cultures*
20. *Urine Biochemistry (dipstick)*
21. *Malaria detection in blood*
22. *Toxicology (PCM/ Salicylate/ Urine Paraquat)*
23. *Infectious disease screening for cadaveric organs(s) donor and recipient of this organ(s)*
24. *Infectious disease screening for needle stick injury*

*senarai ujian tertakluk kepada kemampuan dan keperluan Jabatan Patologi hospital masing-masing